Lengkapkan cerpen di bawah dengan peribahasa dan kiasan yang paling sesuai.

di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
pedas macam cili
mandi peluh
kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
rajin macam semut
hangat-hangat tahi ayam
bumi mana yang tidak ditimpa hujan

"Kenapa kamu tolak tawaran itu, Haikal? Bukankah tawaran itu baik untuk kamu?" kata ayah Haikal dengan marah sekali.

"Ayah tak tahu apa kenanya dengan kamu ini. Dah dapat kerja ditolak. Konon nak usahakan projek ladang tembikai Projek itu kamu fikir akan menguntungkan? Banyak anak muda berkelulusan universiti seperti kamu yang mengusahakan projek seperti ini, tapi tidak ada seorang pun yang berjaya," kata ayahnya lagi.

Haikal masih di muka pintu. Haikal berasa tersinggung oleh kata-kata ayahnya yang

(1) _____. Haikal amat berkecil hati kerana usahanya selama ini diperkecil-kecil. Tidak ada seorang yang memberikan sokongan kepadanya. Biarpun begitu, dia tetap mahu meneruskan usahanya. Dia tidak patah semangat, malah keadaan itu telah memberikan satu semangat baharu kepadanya untuk mencapai cita-citanya. Haikal (2) _____ . Setiap hari, dia (3) _____ di ladang tembikainya. Dia percaya bahawa (4) _____.

Ladang tembikai yang diusahakan Haikal amat membanggakan. Hasilnya sangat menjadi. Haikal memperoleh keuntungan yang berlipat ganda. Kejayaan yang dicapainya tersebar luas. Setelah ayah Haikal melihat sendiri hasilnya, dia berasa serba salah. Dialah orang yang membantah keras rancangan Haikal dan tidak mahu Haikal membuat rancangan yang tidak menguntungkan. Kini, barulah ayah Haikal menyedari bahawa Haikal mempunyai wawasan sendiri.

"Ayah, percayalah saya bukannya tidak mengharapkan ijazah daripada universiti itu, tapi saya mahu berusaha sendiri dulu. Bagi saya (5) _____, " kata Haikal.

LIVEWORKSHEETS

"Teruskan usaha kamu itu, Haikal," kata ayah lalu menepuk-nepuk bahu Haikal sambil tersenyum.

"Terima kasih, ayah. Saya akan melaksanakan semua projek yang saya usahakan hingga berjaya. Saya tidak akan bersikap (6) _____.

LIVEWORKSHEETS